

Nur Jazlan: Guna pengaruh Tun Mahathir tarik pelabur Asia Barat
Malaysian Insider
Disember 11, 2012
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 11 Dis — Pengaruh Tun Dr Mahathir di Asia Barat mampu menarik pelabur di rantau itu untuk melabur di Malaysia, kata ahli parlimen Pulaui Datuk Nur Jazlan Mohamed dan pada masa sama melahirkan kekecewaan ke atas Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) kerana gagal memainkan peranannya.

“Selepas lapan kali penganjurannya, tiada satu penyelesaian konkrit yang dapat dilihat kerana dunia memandang sepi apa yang diputuskan dalam WIEF,” kritik Nur Jazlan dalam satu kenyataan.

“Sedangkan ekonomi masyarakat Islam terus jauh ketinggalan.”

Menyedari hakikat ini, Pengerusi UDA itu berkata, WIEF perlu memanfaatkan ketokohan mantan perdana menteri yang disegani tersebut supaya suara mereka dapat didengar oleh masyarakat dunia khususnya.

“Dr Mahathir amat disegani di rantau Asia Barat dan pengaruhnya amat besar,” kata beliau. “Ia boleh memastikan kehadiran pelabur rantau itu ke negara ini terutama sekali di Iskandar Malaysia.”

Nur Jazlan juga menggesa Iskandar Malaysia supaya mengambil kaedah baru untuk menarik pelabur terutamanya dari Singapura yang dilihat memiliki potensi besar.

“Iskandar Malaysia tidak boleh terus bergantung kepada satu punca pelaburan selain Asia Barat, ia juga perlu menggunakan sumber pelaburan dari rantau ini, terutama sekali Singapura.

“WIEF boleh mendapat manfaat dengan pelaburan Singapura ke Iskandar Malaysia, negara Islam boleh melihat bagaimana cara untuk maju dalam konteks dunia pada masa kini,” terang beliau lagi.

Tambah ahli politik Umno itu lagi, situasi arus ekonomi dunia pada masa kini memerlukan semua negara perlu belajar untuk melengkapinya bukan bersaing kerana perubahan ekonomi yang berlaku begitu mendadak.

Katanya, suatu ketika dulu, Amerika Syarikat menjadi kuasa ekonomi utama dunia dan kini, ia diambil alih China dan negara Islam perlu belajar untuk terus mengevolusikan ekonomi mereka demi memastikan dunia terus menghormati mereka.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nur-jazlan-guna-pengaruh-tun-mahathir-tarik-pelabur-asia-barat/>